

ExxonMobil sumbang RM2 juta setahun

ST 25/03/08 pg T3.



Syed Helmi (dua dari kiri) berbincang sesuatu selepas tamat Majlis Pembiayaan Penyelidikan ExxonMobil, di Rumah Universiti, UMT, kelmarin.

Peruntukan tersebut disalurkan kepada pelbagai projek seperti pendidikan, kesihatan, kebajikan, alam sekitar dan seni.

■ W. SAIDATUL FADZILAH
W. NAJEMUDIN

KUALA TERENGGANU - Syarikat petroleum antara bangsa, ExxonMobil menyumbang sebanyak RM2 juta setahun dalam menjalankan tanggung jawab sosial korpo-

rat sebagai tanda sokongan terhadap masyarakat tempatan.

Peruntukan tersebut disalurkan kepada pelbagai projek seperti pendidikan, kesihatan, kebajikan, alam sekitar dan seni.

Menurut Pengurus Perancang Huluan ExxonMobil Exploration and Production Malaysia Inc., Syed Helmi Syed Mohsin, sebahagian besar daripada peruntukan tersebut turut disalurkan kepada masyarakat di negeri ini.

"Antara sumbangan yang

dibuat ialah mewujudkan program 'school in hospital' dan memberi peralatan bantuan kecemasan kepada Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ).

"Selain itu, pihak kami juga menaja Program Tunas Saintis yang dikelolakan Pusat Sains Kuala Terengganu dan memberi biasiswa serta anugerah pelajar terbaik kepada mereka yang berjaya dengan cemerlang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyampaian Pembiayaan

Penyelidikan ExxonMobil di Rumah Universiti, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), di sini, kelmarin.

Sementara itu, beliau turut memberitahu, syarikat berkenaan mempunyai lebih 14,000 saintis dan jurutera di serata dunia bagi memastikan bekalan bahan tenaga dapat di-salur secara berterusan.

Syarikat itu juga melaburkan lebih RM2 bilion setiap tahun untuk pelbagai penyelidikan dan pembangunan teknologi.